

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN  
ANTARABANGSA

TARIKH: 12.03.2022 MASA: 9.30AM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI BERSIH**

### OLEH

**YANG BERHORMAT TUAN SOON LIP CHEE  
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA BELIA DAN SUKAN**

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**13 MAC 2022 (AHAD)  
10.30 PAGI**

**PANTAI BERSIH  
BUTTERWORTH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Program Pembersihan Pantai Di Pantai Bersih, Butterworth anjuran Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dengan kerjasama Sukarelawan Belia Pulau Pinang, Majlis Belia Negeri Pulau Pinang di bawah sokongan MMK Belia dan Sukan Pulau Pinang. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengajur kerana sudi menjemput saya ke program dan menyampaikan ucapan pada pagi ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee, Exco Belia dan Sukan Pulau Pinang yang hadir bersama dan seterusnya merasmikan program pada pagi ini. Selain itu, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Gwee Sai Ling, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang dan pasukan beliau kerana menjalin kerjasama strategik dengan MBSP dalam usaha-usaha pembersihan pantai serta pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di Seberang Perai.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada para hadirin sekalian yang terdiri daripada pengunjung dan penduduk setempat kerana hadir bersama di pagi ini serta bersama-sama penganjur mengambil bahagian dalam program pembersihan Pantai Bersih.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Matlamat program hari ini adalah untuk mewujudkan persekitaran pantai yang bersih, ceria dan selamat untuk dikunjungi di samping meningkatkan kesedaran masyarakat setempat terutamanya golongan belia atas kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Ini merupakan satu usaha untuk mengumpulkan tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama dalam usaha mengembalikan keceriaan pesisiran pantai di Seberang Perai.

Keseluruhan pesisiran pantai Pulau Pinang (termasuk Seberang Perai) adalah sepanjang 177 km, di mana pesisiran pantai Seberang Perai sahaja adalah sepanjang 73 km. Kawasan pesisiran pantai Seberang Perai merangkumi kawasan pantai berpasir yang sesuai untuk beriadah; kawasan paya bakau yang merupakan kawasan sumber pembiakan ikan; kawasan pembangunan pelabuhan; dan pantai berlumpur dan berbatu di samping kuala-kuala sungai yang mengalirkan air dari kawasan pedalaman ke laut.

Apa yang menarik adalah kawasan hutan paya bakau dan dataran lumpur di Teluk Air Tawar – Kuala Muda yang terletak di utara Seberang Perai dan amat berhampiran dengan kawasan ini. Kawasan ini merupakan tempat persinggahan burung-burung hijrah dan burung air tempatan, terutamanya burung sekendi sudu muka hitam (*Platalea minor* – juga dikenali sebagai “*The Black-Faced Spoonbill*”) yang terancam. Penemuan burung itu di situ adalah mengejutkan kerana ia adalah burung hijrah yang begitu jarang dilihat di Malaysia dan biasanya ditemui di Asia Timur sahaja.

Tapak penting ini amat berpotensi untuk dijadikan Tapak Ramsar yang baharu memandangkan pelbagai cabaran dalam pemuliharaan habitat dan burung berhijrah. Khazanah alam ini perlu diwartakan sebagai

kawasan yang dilindungi sepenuhnya bagi mengekalkan hutan paya bakau dan dataran lumpur yang sedia ada daripada ancaman pembangunan.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Kawasan pesisir pantai merupakan kawasan yang sensitif dan cenderung terdedah kepada pelbagai ancaman seperti hakisan pantai dan pencemaran yang boleh mendatangkan kesan kepada kesejahteraan hidup manusia, persekitaran dan ekosistem. Pantai Bersih sememangnya adalah popular dan sudah sekian lama menjadi pilihan penduduk sekitar untuk beriadah dan berkelah di tepi pantai. Malah, pantai ini juga menjadi tarikan pemancing-pemancing dan pengunjung yang ingin menikmati keindahan pantai dan pemandangan ketika matahari terbenam.

Walau bagaimanapun, ramai pengunjung tidak mengendahkan kebersihan Pantai Bersih dan meninggalkan sampah merata-rata. Selain itu, sampah-sampah yang dibuang ke laut juga akhirnya terdampar di pantai. Ini bukan sahaja menjelas dan mencemarkan pantai, malah menjaskan imej Seberang Perai. Saya ingin menyeru kepada semua pihak, penduduk tempatan dan para pengunjung ke pantai-pantai,

terutamanya Pantai Bersih ini, agar bersama-sama kita untuk memelihara kebersihan dan keindahan pantai.

Apa yang kita lakukan bersama pada hari ini hanyalah penyelesaian sementara kepada permasalahan kebersihan pantai. Saya menyeru semua pihak agar kita mengubah sikap dan memberi komitmen yang serius kepada menjaga alam sekitar khususnya kepada sungai dan pantai dan biarlah ianya menjadi gaya hidup kita dalam usaha murni ini. Jika kita tidak mengubah cara hidup kita dalam usaha untuk memulihkan alam sekitar, kita bukan sahaja akan memusnahkan alam semulajadi malah akan merosakkan asas kesejahteraan kita sendiri dan mewariskan bumi yang tenat kepada generasi akan datang.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Program pada pagi ini amat bermakna buat kita semua kerana ianya merupakan satu usaha yang perlu dilihat dari sudut positif untuk bersama-sama ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, iaitu memulihkan ekosistem di bumi kita yang tercinta ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih, syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat pada program pagi ini.

**Sekian. Terima Kasih**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh***